

QADA ZAKAT: SUATU PERBINCANGAN MENURUT HUKUM SYARAK

Qadā' Zakāh: A Discussion According to Islamic Law

Syed Muhammad Syed Fadil*
Mohd Zaidi Daud**
Mohd Hafiz Jamaludin***

ABSTRACT

*According to Islamic law, Muslims who have complete the full period of an Islamic year (*hawl*) must pay zakāh. It can, however, be found among Muslims who negligently fail to pay zakāh within the stipulated period. Every obligatory practise must be performed within the time determined by Allah SWT in the discourse of fiqh. Hence, this article will look at the aspect of qadā' zakāh in view of the sharā' discussion. Thematic content analysis of themes based on the schools of thought will be used to*

-
- * Graduand, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. syedmsyafiq@yahoo.com
 - ** Senior Lecturer, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. zaididaud@um.edu.my
 - *** Senior Lecturer, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. hafiz_usul@um.edu.my

thoroughly discuss this topic. In conclusion, Shariah allows and provides exemption to zakāh payers in unavoidable situations. As a result, zakāh should be paid even if it is not within the timescale provided if there is justification allowed by sharā‘.

Keywords: *zakāh, qadā’zakāh, hukm sharā‘*

PENGENALAN

Islam merupakan suatu agama yang mencakupi setiap aspek ukhrawi dan duniawi termasuklah aqidah, ibadat, politik, dan ekonomi. Pensyariatan zakat berkait rapat di antara ibadat dan ekonomi. Para ulama memandang serius terhadap setiap isu dan permasalahan berkaitan dengan syariat dalam agama Islam bagi memastikan objektif dan hikmah-hikmahnya dapat dicapai secara berterusan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah hukum dan fatwa berkenaan sesuatu isu yang dibangkitkan oleh masyarakat telah dikeluarkan oleh ulama dari semasa ke semasa sebagai satu bentuk ijтиhad.

Islam telah menjadikan zakat sebagai instrumen dalam mengikis kefakiran, namun atas pelbagai faktor masih terdapat sesetengah orang Islam yang hanya dapat membayar zakat di luar waktu haul yang sebenar. Keadaan inilah yang dinamakan sebagai qada zakat di mana pembayaran zakat dilakukan secara qada, justeru hukum qada zakat ini juga perlu diperjelaskan kepada masyarakat. Para ulama telah memperincikan konsep qada, haul, dan beberapa aspek lain berkaitan zakat yang memberi impak kepada pembinaan hukum qada zakat. Pemahaman yang jelas dan mendalam terhadap perkara-perkara ini amat penting sebelum penetapan hukum qada zakat menurut perspektif Syarak. Artikel ini memberi fokus untuk mengulas perbahasan hukum qada zakat ini agar ia menjadi landasan kepada kajian-kajian yang lebih komprehensif di masa akan datang.

QADA DARI SUDUT BAHASA DAN ISTILAH

Perkataan qada berasal dari kata akar bahasa Arab iaitu *qadā* (قضى) dan mempunyai beberapa makna. Perkataan qada dari

sudut bahasa merujuk kepada makna ‘terputus sesuatu’ dan ‘menyempurnakannya’ (*inqita’ al-syai’ wa tamāmihi*).¹ Ia juga bererti *al-adā’ wa al-inhā’* iaitu melaksanakan dan melengkapkan sehingga habis.² Qada juga boleh membawa maksud menunaikannya (*addā ilaihi*) contohnya, bayaran diat yang diharuskan dan kewajipan yang diwajibkan dalam zakat.³ Antara perkataan qada dalam ayat al-Quran yang membawa makna ‘menunaikan’ adalah seperti firman Allah SWT:⁴

فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنِيسِكَكُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَيْذِرُكُمْ
ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذَكْرًا

(Surah al-Baqarah, 2: 200)

Terjemahan: “Apabila selesai menunaikan amalan hajimu, ingatlah akan Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (membangga-banggakan) nenek moyangmu. Bahkan ingatlah lebih banyak kepada Allah (berzikirlah).”

Contoh dalam penggunaan ayat bahasa Arab pula ialah:

وَقَضَى الْغَرِيمُ دِينَهُ قَضَاءً

Terjemahan: “Penghutang menunaikan hutangnya secara *qada’*. ”⁵

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa qada boleh dibagikan kepada dua iaitu daripada tuhan (*ilahi*) dan daripada manusia (*bashari*), demikian yang disebutkan oleh al-Jurjānī di

¹ Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arab* (Bayrūt: Dār Ihya’al-Turāth al-‘Arabī, 1996), 15:187-188.

² Al-Rāzī, Muhammad bin Abū Bakr bin ‘Abd al-Qadīr. *Mukhtār al-Sahhāh* (t.pt: Dār al-Manān, 1993), 250.

³ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arāb*, 15:187-188.

⁴ Ahmad bin Muhammad al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥul Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr*, ed. ‘Adil Murshid. (Bayrūt: t.p., t.t.). 413.

⁵ Ibn Fāris, Abū al-Hasan Ahmad. *Mu’jam Maqāyiṣ al-Lughah* (Mesir: Mustafā al-Babī al-Halabī, 1970), 5:99.

dalam kitab *al-ta’rīfāt*.⁶ Perkataan qada juga telah digunakan dalam Bahasa Melayu dengan membawa maksud yang sama, iaitu menggantikan (mencukupkan, membayar) fardu yang ketinggalan.⁷ Kata kerja mengqada pula merujuk kepada perbuatan melakukan qada, misalnya: kalau sakit dibolehkan tidak berpuasa, tapi mesti mengqadanya padi hari yang lain.⁸ Istilah qada telah digunakan oleh para ulama secara meluas dalam bab ibadat. Para ulama usul telah bersepakat bahawa ibadat itu terbahagi kepada dua jenis. Pertama, pensyariatan ibadat yang mutlak tanpa ketetapan waktu berakhirnya. Kedua, pensyariatan ibadat yang terikat dengan dua masa iaitu waktu bermula dan waktu berakhir.⁹ Walaupun penggunaan perkataan ini tidak menepati konteks bahasa pada asalnya, namun istilah qada telah diterima pakai dalam perincian bab ibadat bagi membezakan dua waktu pelaksanaan iaitu *al-adā'* dan *al-qadā'*. Istilah *al-adā'* dalam bab ibadat bermakna ibadat tersebut dilakukan oleh mukallaf di dalam waktu yang ditetapkan Syarak, manakala *al-qadā'* adalah sebaliknya di mana ia dilakukan di luar waktunya.¹⁰

Dari sudut penggunaan istilah qada, ia tidak terbatas kepada ibadat zakat sahaja. Fuqaha turut mengaplikasi konsep ini dalam ibadat-ibadat yang lain antaranya qada solat, qada puasa dan qada haji. Hal ini kerana ibadat yang berlaku dalam waktu tertentu itu adalah sesuatu yang disyariatkan. Al-Isnawī memberikan misalan seseorang yang telah rosak ibadatnya (*fāsid*) setelah berada dalam

⁶ Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muhammad. *al-Ta’rīfāt* (Bayrūt: ‘Alim al-Kutub, 1996), 226.

⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1261; Kamus Dewan Edisi Baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 1007.

⁸ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1261.

⁹ Ismail Abd Abbas, *al-Iqtida’ fī Mujib al-Qada’* (Baghdad: Maktab Shams al-Andalus, 2015), 4; Mansur bin Muhammed Al-Sam’ānī, *Qawati’ al-Adillah fī al-Usūl*, ed. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail al-Shāfi’ī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997), 1:87.

¹⁰ Al-Fayyūmī, *Misbāh al-Munīr*, 413; Jamal al-Din Abu Muhammad bin al-Hasan Al-Isnawi, *Al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furu’ ‘ala al-Usūl*, ed. Muhammad Hasan Haytu (Bayrūt: Mu’assasat al-Risālah, 1987), 63.

keadaan ihrim pada bulan haji. Dalam kes ini, ulama bersepakat bahawa dia tetap perlu melaksanakan apa yang tercacat pada tahun itu juga. Sekiranya dia datang selepas bulan haji atau tahun hadapannya, ia telah menjadi qada disebabkan waktu pelaksanaan qada itu merujuk kepada waktu kedua (*al-tawqīt al-thānī*) tidak lagi waktu pertama (*al-tawqīt al-awwal*).¹¹ Penerangan ini selari dengan pendapat al-Sam’ānī yang menyatakan bahawa penamaan qada itu sekadar dalam bentuk *al-majāz* dan bukannya *al-haqīqat* disebabkan ibadat yang dilakukan atau *al-amr al-awwal* tidak boleh digantikan pada hakikat yang sebenarnya. Yang dimaksudkan dengan *al-majāz* disini ialah pelaksanaan qada ke atas perkara yang sama oleh seseorang itu merupakan pengganti bagi menggugurkan tanggungjawab asal yang diarahkan pada tempat yang pertama.¹²

ZAKAT DARI SUDUT BAHASA

Dari sudut bahasa, zakat seringkali ditafsirkan kepada beberapa makna antaranya kejernihan sesuatu,¹³ pensucian, bertambah baik, berkembang, memuji, dan berkat.¹⁴

Kepelbagaiannya ini dapat dilihat penggunaannya di dalam teks al-Quran dan hadis. Pemahaman dan pembawaan makna ini ditentukan berdasarkan konteks ayat sebagai contohnya:



(Surah al-Tawbah, 9: 103)

Terjemahan: “mensucikan mereka”.

Perkataan zakat merupakan kata terbitan daripada kata kerja *zakkā* (زَكَّى) atau *zakā* (زَكَا) di mana yang lebih jelasnya menunjukkan

¹¹ Al-Isnāwī, *Al-Tamhīd fī Takhrij al-Furū'* ‘alā al-Usūl, 63.

¹² Al-Sam’ānī, *Qawāti’ al-Adillah fī al-Usūl*, 1:94.

¹³ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 14:358; Al-Fīrūzābādī, M. Y. *al-Qamūs al-Muhiṭ* (Bayrūt: Mu’assasat al-Risālah, 1998), 4:339.

¹⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 14:358; Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Maktabah Wahbah, 2003), 40.

kepada penyucian¹⁵ ataupun bertambah dan berkembang.¹⁶ Zakat juga merujuk kepada apa yang kamu keluarkannya dari pemilik harta untuk mensucikan dengannya.¹⁷ Dikatakan penyucian adalah sebab kepada pertambahan dan perkembangan harta. Perkataan zakat juga boleh terbina atas asas kata kerja *tazakkā* (تَزَكَّى) yang juga membawa maksud *taṣaddaq* (صدق) iaitu memberi sedekah. Sebahagian ahli bahasa mentafsirkan zakat sebagai amal soleh. Akhir sekali, Muhammad Shawqī al-Fanjari¹⁸ telah membahaskan takrif zakat secara menyeluruh di mana beliau turut menambah bahawa zakat pada bahasa juga boleh diertikan sebagai ‘perisai kepada harta’ dan ‘syukur kepada Allah SWT’ berdasarkan firmanNya:

لِيَأْكُلُوا مِنْ شَرْبَةٍ وَمَا عَمِلْتُهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

(Surah Yasin, 36: 35)

Terjemahan: “Agar mereka dapat memakan buah-buahan dari hasil yang mereka usahakan (tanamkan). Mengapa mereka tidak bersyukur?”

Melalui ungkapan hadis nabi pula ialah:

حَصَنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ

Terjemahan: “Sarangkanlah perisai kepada harta-

¹⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 14:358.

¹⁶ Ibn Fāris, *Mu'jam Maqāyiṣ al-Lughah*, 3:17.

¹⁷ Al-Fīrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 4:339.

¹⁸ Muhammad Shawqī al-Fanjari, *al-Islām wa al-Damān al-Ijtima'ī: Dirāsah Mujāzah wa Shāmilah li Usūl al-Zakāh wa Muḥāwalah li Bayān Taṣbīqātihā al-Hadīthah 'alā Daw' Mutaghayyirat al-'Asr* (Qāhirah: al-Hay'ah al-Misriyah al-'Ammah, 1990), 48-49.

harta kamu dengan berzakat.”¹⁹

ZAKAT DARI SUDUT ISTILAH

Para ulama telah berbeza pendapat berhubung dengan zaman awal penggunaan istilah zakat. Sebahagian fuqaha menyebutkan bahawa ia telahpun diguna pakai secara meluas dalam nukilan syair bangsa Arab jahiliyyah sebelum kedatangan Islam.²⁰ Ini kerana perkataan zakat sendiri dikatakan berasal daripada bahasa Arab. Namun terdapat juga ulama antaranya Dāwud al-Zāhirī yang berpendapat bahawa ia hanya merujuk kepada istilah Syarak di mana zakat telah difardukan ke atas umat Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW.²¹ Tarikh spesifik berkenaan suruhan berzakat juga tidak mendapat kesepakatan ulama sama ada bermula sebelum atau selepas umat Islam berhijrah ke kota Madinah *al-Munawwarah*.²²

Walau bagaimanapun, zakat dari sudut istilah Syarak adalah sesuatu perkara yang sama. Tidak terdapat banyak perbezaan dalam penakrifan fuqaha mazhab ketika menghuraikannya. Ibn ‘Abidīn dan al-Dusuqī menyatakan bahawa istilah zakat adalah kata nama yang mengkehendaki satu tindakan berbentuk pengeluaran wajib ومراده الإخراج لـ (المعنى المصدری

¹⁹ Hadis riwayat Abū Dāwud, *Kitāb al-Tahārah, Bāb fī al-Zakāt*, no. Hadis 105. Lihat Sulayman bin Al-Ash’as al-Sijistanī Abū Dāwud, *al-Marāsīl*, ed. Syuaib al-Arnaut (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1987), 1:127; Hadis riwayat al-Tabrānī, Bab al-Alif, Min Ismuhi Aḥmad, no. Hadis 1963. Lihat Sulayman bin Aḥmad Abū al-Qāsim al-Tabrānī, *al-Mu’jam al-Awsaṭ* (Qāhirah: Dār al-Haramain, t.t.), 2:274; Hadis riwayat al-Baihaqī, *Bāb al-Zakāt, Bāb fī Man Atah Allah Malan Min Ghair Mas’alah*, no. Hadis 3280. Lihat Aḥmad bin Al-Ḥusain Abū Bakar al-Baihaqī, *Shu’ba al-Imān* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2003), 5:185.

²⁰ ‘Alī bin Muhammad al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, ed. ‘Alī Muhammad Mu’awwad dan ‘Adil Aḥmad Abd al-Mawjūd (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1999), 3:71.

²¹ Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990), 5:325.

²² Maṇṣūr bin Yūnus bin Salāh al-Dīn al-Bahūtī, *Kashf al-Qinā’ ‘an Matn al-Qinā’* (t.tp: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 2:166.

المعنى الاسمي²³ Kesemua elemen yang membentuk kata nama zakat ini meliputi nilai nisab, harta, penerima, serta waktu membayarnya yang telah dikhususkan oleh Syarak. Ini juga dapat dilihat dalam tulisan para fuqaha yang lain seperti Al-Nawawi:²⁴

اسم لأنخذ شيء مخصوص من مال مخصوص على
أوصاف مخصوصة لطائفة مخصوصة

Terjemahan: “Kata nama bagi pengambilan sesuatu yang khusus dari harta yang khusus dengan syarat-syarat yang khusus untuk golongan yang khusus.”

Al-Dusuqī²⁵ dan al-Bahūtī²⁶ menerusi kitab *Hāshiah al-Dusuqī* ‘alā al-Syarh al-Kabīr dan *Kashf al-Qinā* ‘an Matn al-Qinā’ antara ulama yang telah memperincikan lagi setiap elemen yang melengkapi makna zakat dari sudut istilah ini. Beliau menjelaskan bahawa nilai nisab (حق واجب) merujuk kepada pengiraan hak dalam bab harta yang wajib dizakatkan. Harta yang khusus (مال مخصوص) terdiri daripada haiwan ternakan, hasil tanaman, wang, keuntungan perniagaan dan bahan-bahan galian. Waktu pembayaran yang khusus (وقت مخصوص) bermaksud sempurna haul bagi harta-harta tersebut. Penerima zakat (طائفة مخصوصة) pula adalah sebagaimana lapan golongan yang ditunjukkan dalam firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَدْلَى عَلَيْهَا
وَالْمُؤْلَفَةُ فُلُوْجُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالغَرِيمَيْنَ وَفِي
سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ
حَكِيمٌ

٦٠

(Surah al-Tawbah, 9: 60)

Terjemahan: “Sesungguhnya (pembahagian) zakat-

²³ Muhammad Amīn bin ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Abidīn, *Radd al-Muhtār ‘ala al-Dūr al-Mukhtār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992), 2: 256. Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafat al-Dusūqī, *Hashiah al-Dusūqī* ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 1:430.

²⁴ Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Al-Majmū’ Sharh al-Muhadhdhab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990), 5:325.

²⁵ Al-Dusūqī, *Hashiah al-Dusūqī* ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr, 1:430.

²⁶ Al-Bahūtī, *Kashf al-Qinā* ‘an Matn al-Qinā’, 2:166-167.

zakat itu ialah untuk: 1) orang-orang fakir, 2) orang-orang miskin, 3) 'amil zakat, 4) orang-orang muallaf, 5) untuk (memerdekan) budak, 6) untuk orang-orang yang berhutang, 7) untuk jalan Allah, 8) dan untuk orang yang dalam perjalanan. (Begitulah) perintah Allah. Allah maha mengetahui dan maha bijaksana.”

Al-Ghazālī melalui karyanya *al-Wasīt fī al-Madhhāb* menyebutkan bahawa takrif zakat dari sudut Syarak adalah bahagian daripada harta dan seumpamanya yang diwajibkan Syarak untuk mengambilnya dan diberikan kepada orang-orang faqir dan seangkatan dengannya dengan syarat-syarat khusus.²⁷ Selain itu, takrif zakat juga sering disampaikan dengan penggunaan istilah-istilah yang lain antaranya perkataan *sadaqah* (صدقۃ). Sebagai contohnya dapat dilihat dalam beberapa kandungan ayat al-Quran dan hadis yang menggambarkan *al-sadaqah* dengan makna *al-zakat*. Antaranya:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُرْكِبُهُمْ بَهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوةَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ ﴿١٣﴾

(Surah al-Tawbah, 9: 103)

Terjemahan: “Ambillah (wahai Muhammad!) sedekah (zakat) dari sebahagian harta mereka yang akan membersihkan dan mensucikan mereka dan doakanlah mereka. Sesungguhnya doa engkau itu menenangkan jiwa mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui.”

Di dalam hadis pula:

لَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ أَوْ أَقِيرْ صَدَقَةً، وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ ذُوِّدَ صَدَقَةً، وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ أَوْ سَقِّ صَدَقَةً

²⁷ Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *al-Wasīt fī al-Madhhāb* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2001), 1:365.

Terjemahan: “*Tidaklah pada yang kurang daripada lima ‘awaq itu zakat, dan tidak ada zakat kepada yang kurang daripada lima zawd, serta tidak ada zakat terhadap yang kurang daripada lima awsuq.*”

Dan juga hadis ketika pengutusan Mu’adh bin Jabal ke negara Yaman:

أَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ
أَغْنِيَاهُمْ

Terjemahan: “*Ajarkanlah mereka bahawa sesungguhnya Allah telah menfardhukan zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang-orang kaya dalam kalangan mereka.*”

Al-Māwardī (m.450H) dalam karyanya *al-Ahkām al-Sultāniyyah* mengatakan bahawa: “sedekah itu zakat, dan zakat itu adalah sedekah, berbeza dari segi nama tetapi sepakat dari segi maksudnya”.²⁸ Al-Qardāwī pula menukilkan kata-kata al-Qadī Abu Bakar bin al-‘Arabī ketika mengulas mengenai penamaan zakat sebagai sedekah: “ia diambil dari *al-sidqu* (membenarkan) di mana menyamaratakan perbuatan dengan perkataan dan kepercayaan”.²⁹ Selain perkataan *sadaqah*, terdapat juga istilah lain yang digunakan di dalam al-Quran dan hadis merujuk kepada makna zakat. Di antaranya ialah penggunaan perkataan *tasaddaqa* (تصدق), *infāq* (إنفاق), *al-haq* (الحق), *al-nasīb* (النصيب), *al-qard al-hasan* (القرض الحسن), *al-maghfirah* (المغفرة), dan *al-‘afw* (الغفو).³⁰ Secara umumnya menurut al-Ghafīlī, persepakatan para fuqaha mazhab ini dapat dilihat dalam 3 perkara utama iaitu; pada menyebutkan kadar tertentu yang wajib dikeluarkan zakat (*al-nisāb*), menentukan harta yang wajib dikeluarkan zakat daripadanya (*al-māl al-zakawiyah*), dan menentukan pengguna

²⁸ ‘Alī bin Muhammad al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah* (Bayrūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah, 1985), 145.

²⁹ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 40-41.

³⁰ Mujaini Tarimin, *Zakat al-Māl al-Mustafād: Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Pusat Pungutan Zakat, 2012), 7-11.

zakat (*al-mustahiqqun*).³¹ Takrif zakat dari sudut istilah terikat dengan syarat-syarat ini bagi menepati maqasid zakat yang disebutkan di dalam dalil-dalil *syar'i* yang muktabar.

MAFHUM QADA ZAKAT

Tafsiran para ulama berkaitan qada dan zakat sebelum ini adalah signifikan bagi memahami makna qada zakat secara komprehensif. Daripada perbincangan lepas, para *usuliyyun* dan fuqaha telah menekankan beberapa aspek antaranya waktu pembayaran qada dan instrumen zakat yang telah disediakan oleh Syarak bagi mengimbangi jurang di antara golongan faqir dan kaya. Definisi qada merangkumi tafsiran ulama berkenaan dengannya dari sudut bahasa dan istilah. Pendapat asas yang ditulis oleh Ibn Manzur, al-Rāzī, al-Jurjānī dan lain-lain harus dibaca bersama apa yang diperkatakan oleh al-Sam'ānī dan al-Isnawī. Qada boleh ditakrifkan sebagai perbuatan menyempurnakan sesuatu amal ibadah dalam waktu kedua yang sudah menjangkaui tamat tempoh kerana telah terputusnya waktu pertama pelaksanaan *adā'* iaitu tunai dalam Bahasa Melayu.

Zakat pula merujuk kepada satu makna yang istimewa di mana ia merupakan sesuatu bentuk pemberian yang wajib dibahagikan kepada golongan asnaf secara khusus. Begitulah pendefinisan Syarak terhadap zakat sebagaimana yang disebut oleh fuqaha mazhab yang muktabar antaranya Ibn 'Abidīn, al-Dusuqī, al-Nawawī dan al-Zarkashī. Takrif ini juga melengkapi makna asal zakat dalam bahasa Arab itu sendiri seperti mana yang dinyatakan oleh al-Fīrūzābādī dan Ibn Fāris bahawa penyucian dan pertambahan kebaikan kepada seseorang akan dicapai melalui zakat.

Kajian ini mendapati bahawa terma qada zakat tidak diperkenalkan secara ekslusif dalam kitab-kitab *turāth*. Namun begitu, takrifan yang diberikan oleh al-Isnawī, al-Ghazālī, Ibn 'Abidīn, al-Dusuqī, dan lain-lain menunjukkan bahawa qada zakat adalah satu kata kerja yang perlu ditunaikan sesuai dengan

³¹ 'Abdullah bin Mansūr al-Ghafīlī, *Nawāzil al-Zakāh: Dirāsaḥ Fiqhīyyah Ta'sīliyyah li Mustajaddāti al-Zakāt* (Riyāḍ: Dār al-Mīmān, 2008), 41.

tuntutan Syarak. Ia tidak disebut sebagai ‘tunai’ oleh kerana ibadat zakat tersebut tidak dilaksanakan sebagaimana waktu yang telah ditetapkan oleh Syarak, sebaliknya istilah qada digunakan walaupun hakikatnya hukum asal membayar zakat masih tetap sama di sisi Syarak tidak mengira waktu pembayarannya.

Terdapat juga dalam beberapa penulisan terkemudian yang menghuraikan berkaitan qada zakat secara umum. Di antaranya tulisan oleh al-Zuhaylī dan al-Qardāwī di mana mereka menyatakan bahawa setiap keadaan yang menyebabkan berlalunya haul serta syarat-syarat zakat lain secara lengkap tidak boleh menafikan qada zakat untuk hak asnaf yang telah *thābit*. Konsep ini juga yang telah digunakan oleh Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia³² dalam mendefinisikan qada zakat sebagai penerimaan pembayaran zakat oleh masyarakat Muslim pada tahun semasa tetapi bertujuan untuk membayar zakat yang tidak dibayar pada tahun-tahun yang sebelumnya.³³ Selain itu menurut Muhammad Ismail Abdullah dan lain-lain, qada zakat adalah pelaksanaan zakat ditangguhkan tanpa sebab-sebab keuzuran yang diterima Syarak hingga memasuki haul yang baharu.³⁴ Berdasarkan takrifan-takrifan yang telah dinyatakan, pengkaji tidak mendapati sebarang percanggahan yang berlaku dalam kalangan para ulama dalam pendefinisan qada zakat. Mafhum qada zakat boleh dirumuskan sebagai menunaikan fardu zakat untuk setiap tahun yang terlepas syarat-syaratnya bagi mengembalikan hak zakat daripada pemilik harta kepada kumpulan asnaf zakat.

³² Kini institusi ini telah bertukar nama kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

³³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat* (Putrajaya: JAKIM, 2009), 2.

³⁴ Muhammad Ismail Abdullah et al., “Qadha’ Zakat” (kertas kerja, Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2017), 12.

PERSELISIHAN PENDAPAT BERKENAAN KONSEP HAUL

Haul merupakan satu tempoh dua belas bulan *qamariyyah* yang melepas ke atas harta kepunyaan seseorang sebagai hak miliknya semenjak dari awal pemilikannya.³⁵ Haul juga didefinisikan sebagai satu batas dan tempoh tabungan pendapatan yang tidak digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan dalam masa dua belas bulan. Menurut konteks takrifan kontemporari, Mujaini Tarimin mengatakan bahawa haul dua belas bulan *qamariyyah* merupakan “tahun fiskal” bagi individu atau firma untuk mengira perakaunan, penyata kira-kira dan belanjawan pembayar zakat (*muzakki*).³⁶ Terdapat beberapa isu berkaitan dengan haul yang hangat diperdebat dan diperbincangkan oleh para sarjana hukum Islam sejak dahulu sehingga abad ini. Penulis akan menjelaskan secara ringkas berkenaan isu-isu tersebut.

Genap Haul Sebagai Syarat dikenakan Zakat Mal *Mustafad*

Dalam perbahasan haul zakat *māl mustafād* atau harta perolehan, terdapat dua pendapat yang tidak sealiran. Percanggahan pendapat tersebut sebenarnya telah bermula semenjak zaman Sahabat dan berlarutan sehingga ke zaman Tabi'in, dan akhirnya menjadi suatu perdebatan hangat dalam kalangan ilmuan Islam mutakhir.³⁷ Ikhtilaf ini berlaku adalah disebabkan ketiadaan riwayat hadis yang sabit berkenaan perkara haul ini.³⁸

Jumhur fuqaha termasuklah Abu Hanīfah (m.150H), Mālik bin Anas (m.179H), al-Syāfi'ī (m.204H) dan Ibn Hazm³⁹ (m.456H) mengatakan bahawa sempurna haul adalah salah satu syarat wajib mengeluarkan zakat. Pendapat ini tertegak berdasarkan hadis

³⁵ Mek Wok dan Sayed Sikandar, “Debatable issues in fiqh al-Zakat,” 124.

³⁶ Tarimin, *Zakāt al-Māl al-Mustāfād*, 166.

³⁷ Tarimin, *Zakāt al-Māl al-Mustāfād*, 165.

³⁸ Abū al-Walid Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*, ed. Haitham Jum'ah Hilāl (Bayrūt: Muassasah al-Ma'ārif, 2006), 260.

³⁹ Abū Muhammad 'Alī bin 'Alī bin Sa'id Ibn Hazm, *Al-Muḥallā bi al-Athār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 4:85 & 196.

dan *āthār* mengenai haul yang diriwayatkan oleh beberapa para sahabat r.a dan tabi'in iaitu Abu Bakar al-Siddiq (m.58H), 'Alī bin Abī Tālib (m.40H), 'Abdullah bin 'Umar (m.73H), 'Aishah (m.58H), al-Qāsim bin Muhammad (m.108H), Nāfi' (m.117H) dan 'Atā' (m.114H). Antaranya adalah ungkapan umum hadis oleh beberapa perawi hadis seperti Anas bin Mālik, Aishah binti Abī Bakar, 'Alī bin Abī Tālib dan 'Abdullah bin 'Umar iaitu ((زكاة في مال حتى يحول عليه الحول)).⁴⁰ Melalui hujah ini, kelompok pertama ini mensyaratkan haul sebagai keutamaan bagi semua harta zakat termasuk zakat *māl mustafād*. Namun hadis tersebut juga telah dipanjangkan perbahasannya dan kritikan terhadapnya kerana terdapat hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ud, dan Mu'awiyah yang lebih sahih daripadanya.⁴¹

Manakala pandangan kedua dipelopori oleh 'Abdullah bin 'Abbās (m.67H), 'Abdullah bin Mas'ud (m.32H), Mua'wiyah bin Abī Sufyan (m.60H), 'Umar bin Abd al-Azīz (m.101H) serta beberapa tokoh ulama seperti al-Hasan al-Basrī (m.110H), al-Zuhrī (m.124H), Makhul (m.112H) dan Dāwud al-Zāhirī. Kelompok kedua ini tegas mengatakan bahawa haul setahun *qamariyyah* tidak disyaratkan kepada zakat *māl mustafād* dan zakat wajib ditunaikan pada hari penerimaan, berdasarkan *āthār* dari Abdulllah bin Abbas yang berkata kepada seorang lelaki yang mendapat pemberian 'pendapatan pindahan' (*al-māl al-mustafād*): "seseorang yang memperolehi *māl mustafād* wajib menzakatkannya semasa diperolehi". Pendapat ini turut diterima

⁴⁰ Hadis riwayat al-Baihaqī, *Kitāb al-Zakāt*, *Bāb Lā Zakāt fī Māl Hatta Yāhūl 'Alaihī al-Hawl*, no. Hadis 7274. Lihat Ahmad bin al-Husain Abū Bakar al-Baihaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muhammad Abd al-Qadīr 'Ata (Bayrūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah, 2003), 4:160; Hadis riwayat al-Dāraqutnī, *Kitāb al-Zakāt*, *Bāb Wujūb al-Zakāt bi al-Hawl*, no. Hadis 1894. Lihat Abu al-Hasan 'Alī bin Umar al-Dāraqutnī, *Sunan al-Dāraqutnī* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2004), 2:470.

⁴¹ Hadis "فِي الرَّجُلِ يَسْتَقِدُ مَا لَا قَالَ بِرَزْكِهِ حِينَ يَسْتَقِدُهُ". Lihat Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā bi al-Athār*, 4:42; Ahmad bin 'Alī al-Khatīb al-Sharbīnī, *Tārīkh Baghdād* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002), 9:230; Abū Bakr bin Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Musannaf fī al-Aḥādīth wa al-Athār* (Riyādh: Maktabah al-Rushd, 1988), 2:387.

oleh Ahmad bin Hanbal (m.241H) yang berpandukan kepada zakat pendapatan sewa rumah yang tidak disyaratkan haul.⁴²

Hujah kelompok minoriti ini seterusnya dirajihkan oleh beberapa sarjana Islam kontemporari antaranya Yusuf al-Qardāwī,⁴³ dan Wahbah al-Zuhaylī. Menurut al-Qardāwī, hadis haul bagi harta perolehan adalah lemah berdasarkan ijtihad dan takhrij beliau sendiri terhadap hadis tersebut.⁴⁴ Wahbah Al-Zuhaylī dalam karyanya ‘*al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*’ menyatakan bahawa sebagaimana hasil bumi wajib dikeluarkan zakat ketika tampak hasilnya, hukum yang sama diaplifikasi kepada hasil penternakan dan keuntungan perniagaan yang diperoleh.⁴⁵ Antara bentuk *māl mustafād* yang dikecualikan daripada kewajipan sempurna haul adalah perolehan yang masuk berupa gaji atau ganjaran seperti keuntungan dan hadiah. Pengarang kitab *al-Muqni’* menyebutkan bahawa tidak semua *māl mustafād* itu perlu menunggu kesempurnaan haul untuk dizakatkan. Hal ini kerana sebahagian haiwan peliharaan yang produktif (*nitāj al-sāimah*) dan keuntungan perniagaan (*ribh al-tijārah*) kadangkala tidak mempunyai nisab. Dalam kes seumpama ini haulnya ditentukan dengan cukupnya nisab sahaja, melainkan sekiranya kadar nisab telah ditetapkan baginya maka haulnya kembali sepertimana asalnya.⁴⁶

Walaupun pandangan al-Qardāwī mula diambil pakai secara meluas oleh dunia, namun pendapat ini tidak terlepas juga dari

⁴² ‘Abdullah bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah* (Mesir: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 2:468.

⁴³ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 166.

⁴⁴ Masnan, S., Yussuf, A., Ahmad, B., “Al-Qardāwī dan Sumbangannya Terhadap Pembangunan al-Sunnah: Sorotan Dari Sudut Zakat” (makalah, *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*, 2011), 479.

⁴⁵ Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, t.t.), 3:1949.

⁴⁶ ‘Abdullah bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *al-Muqni’ fi Fiqh Imām al-Sunnah Ahmad ibn Hanbal al-Shaybānī* (Qāhirah: al-Matba’ah al-Salāfiyah wa Maktabatuhā, 1953), 6:352; Abū al-Hasan Alī bin Sulayman al-Mardāwī, *al-Insāf* (Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arābī, 1998), 3:24.

kritikan. Antaranya seorang pakar ekonomi Islam, al-Misri⁴⁷ yang mempersoalkan ijtihad al-Qardāwī yang melemahkan hadis haul pada perbincangan *māl mustafād*, tetapi menggunakannya dalam perbincangan harta-harta zakat lain seperti haiwan ternakan, duit dan sebagainya sedangkan perbincangan *māl mustafād* timbul kerana penyandarannya kepada harta-harta zakat yang berhaul. Menurut al-Misri, perselisihan ulama yang timbul hanyalah bersekitar sama ada haul bagi perolehan baru tersebut mengikut haul harta asal, ataupun secara berasingan.

Berdasarkan perbincangan di atas, pandangan majoriti para ulama yang mengatakan haul merupakan salah satu syarat wajib zakat bagi sebahagian jenis harta adalah pandangan yang lebih kuat. Ini kerana pandangan ini didokong oleh āthār para sahabat utama seperti Abu Bakar, Uthman dan Ali RA. Selain itu, sebahagian harta dianggap masih tidak berkembang dengan sempurna sebelum berlalu tempoh setahun. Ini kerana, harta boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu harta yang berkembang dengan sendirinya seperti biji-bijian dan buah-buahan. Maka, ia perlu dikeluarkan zakat secara serta merta apabila cukup nisabnya. Bahagian kedua pula adalah harta yang perlu disimpan supaya ia dapat berkembang seperti emas perak, harta perniagaan dan haiwan ternakan. Maka harta seperti ini hanya diwajibkan zakat apabila sempurna nisab dan berlalu tempoh masa selama setahun.

Haul Yang Telah Luput

Hukum berkenaan haul yang telah luput juga ada dibincangkan oleh para fuqaha, di mana terma seperti ‘haul kedua’ (الحول الثاني), ‘haul asal’ (حول الأصل) dan ‘haul-haul yang telah berlalu’ (أحوال حوال) turut ditekankan dalam karya-karya mereka. Di antaranya al-Kāsānī menyebutkan bahawa perkiraan haul yang baharu akan berlaku selepas sempurnanya sesuatu haul seolah tiada lagi haul yang pertama.⁴⁸ Di samping itu, aspek seperti nisab pada haul yang telah luput dan *al-Imkān* iaitu berkemampuan sering

⁴⁷ Rafiq Yūnus al-Miṣrī, *Buhūth fī al-Zakāt* (Dimashq: Dār al-Maktābī, 2009), 107-114.

⁴⁸ Abū Bakar bin Mas'ud al-Kāsānī, *Kitāb Badā'i' al-Sanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, ed. Muhammad Khayr Tu'mah Ḥalābī (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2000), 2:14.

dibincangkan secara signifikan untuk menentukan hukum kepada haul yang baru.

Kadar nisab yang mencukupi bagi harta *muzakki* pada sesuatu haul walaupun telah luput tidak boleh mengecualikan tuan pemilik harta dari kewajipan berzakat. Ini telah disepakati oleh para fuqaha mazhab secara umum. Menurut Mālik bin Anas dalam *al-Mudawwanah* dan al-Sarakhsī dalam *al-Mabsut*, zakat perlu ditunaikan bagi setiap haul selagimana harta-harta tersebut memenuhi syarat nisab zakat.⁴⁹ Ibn Qudāmah juga menyebutkan perkara yang sama, qada zakat wajib dibayar bagi setiap haul yang berlalu setelah sempurna pemilikan sesuatu harta. Namun, ia tetap bergantung kepada kadar nisab zakat yang ditetapkan bagi setiap haul tersebut.⁵⁰

Dalam mazhab Syafi'i, terdapat perbincangan berkenaan haul kedua yang mengandungi nisab haul yang pertama di mana al-Nawawī menjelaskan bahawa terdapat dua pandangan dalam mazhab Syafi'i. Pendapat terkemudian bagi Imam al-Shāfi'i ketika di Mesir atau *qawl jadīd* menyatakan hanya wajib zakat untuk haul yang pertama dan tidak wajib zakat untuk haul kedua kerana kadar nisab yang wajib adalah milik asnaf dan berkemungkinan baki nisab tidak mencukupi untuk haul kedua. Manakala *qawl qadīm* iaitu pandangan lama Imam al-Shāfi'i ketika di Iraq menyebutkan bahawa setiap haul termasuk haul kedua wajib ditunaikan zakat selagimana cukup syarat-syaratnya atas dasar *zimmah* dan bukannya ain harta tersebut seperti *qawl jadīd*.⁵¹ Selain itu, haul kedua hanya mula dikira berdasarkan pada waktu berkemampuan. Pendapat ini menurut al-Rāfi'i merupakan pandangan yang masyhur di kalangan mazhab Maliki dan Syafi'i.⁵²

Beberapa penulisan para sarjana juga telah menyentuh dari sudut kepentingan perkiraan haul yang telah luput. Antaranya

⁴⁹ Mālik bin Anas al-Madānī, *al-Mudawwanah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 1:320; Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsī, *al-Mabsūt* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1993), 2:190.

⁵⁰ Al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 3:76.

⁵¹ Al-Nawawī, *al-Majmū'*, 5:377.

⁵² 'Abd al-Karīm bin Muhammad al-Rāfi'i, *Fath al-'Azīz bi Sharḥ al-Wājīz* (t.p: Dār a-Fikr, t.t.), 5:500.

Ibn Bāz⁵³ di mana beliau berpendapat bahawa seseorang yang mengalami keraguan mengenai jumlah haul yang terlepas dituntut untuk melakukan ijtihad dan siasatan terhadap hartanya, sehinggalah melakukan qada zakat pada kadar keyakinan sangkaannya. Apa yang paling penting untuk difahami dengan jelas dalam masalah haul-haul yang telah berlalu adalah ia berkait rapat dengan tanggungjawab (*zimmah*) seseorang itu terhadap harta-hartanya. Inilah mesej utama yang cuba diangkat oleh para ulama termasuk ulama moden seperti Muhammad al-Zuhaylī dan Yusuf al-Qaraḍāwī yang menerangkan bahawa tanggungjawab berzakat tetap wajib dan sabit terhadap orang yang mampu untuk menunaikannya serta tidak gugur dengan berlalunya masa atau haul.⁵⁴

Berdasarkanuraian ulama, dapat disimpulkan bahawa nisab haul yang baharu tidak boleh dicampur bersama nisab pada dengan haul yang luput. Haul yang baharu memberi implikasi kepada perhitungan semula nisab muzakki dan kemampuan melaksanakan zakat. Ini kerana zakat dibayar kerana berkembangnya harta (*al-namā'*) dan memberikan keseimbangan standard kehidupan yang baik di antara golongan kaya dengan yang miskin (*al-musāwāh*). Pandangan-pandangan daripada para sarjana hukum juga bagi pengkaji sudah cukup menjelaskan bahawa Syariat telah menggariskan kaedah-kaedah yang perlu diambil apabila seseorang *muzakki* terlepas waktu sebenar baginya untuk membayar zakat terutamanya zakat harta. Dalam kerangka ibadat wajib yang diaturkan oleh Syariat, sesuatu perkara wajib yang telah berlalu haulnya hanya akan dimaafkan oleh Allah SWT melalui jalan mengqadanya semula.

PERSELISIHAN PENDAPAT BERKENaan KENAAN ZAKAT TERHADAP HARTA BATIN

Dalam tulisan para fuqaha yang menyentuh tentang fiqh zakat, harta *muzakki* yang wajib dizakatkan boleh dibahagikan kepada

⁵³ ‘Abd al-Azīz bin Abdullah Ibn Bāz, *Fatāwā Nūr ‘Alā al-Darb* (Riyād: al-Ri’āsah al-‘Ammah li al-Buhūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’, 2010), 15:17.

⁵⁴ Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi’ī*, 2:126; Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 832-833.

dua jenis iaitu harta-harta zahir (الأموال الظاهرة) dan harta-harta batin (الأموال الباطنة). Harta zahir merujuk kepada harta yang bersifat zahir, dapat dilihat dengan jelas dan boleh menarik perhatian orang awam terutamanya golongan fakir.⁵⁵ Contoh asas yang boleh dilihat dalam kitab turath adalah zakat harta dari kumpulan haiwan ternakan, buah-buahan dan tanam-tanaman.⁵⁶

Dalam kitab *al-Mabsut* misalnya, al-Sarakhsī memberikan contoh unta sebagai harta zahir termasuklah jika ia digunakan dalam jual beli, sama ada diwajibkan zakat keatasnya atas dasar zakat perniagaan atau zakat ternakan yang digembalakan.⁵⁷ Dari sudut zakat harta zahir, para fuqaha mazhab bersepakat bahawa wajib menunaikannya bahkan ia boleh dikutip oleh para pemerintah walaupun secara paksaan. Ini disebutkan dengan jelas dalam tulisan-tulisan ulama silam antaranya Ibn al-Nujaym di mana Syarak memberikan *wilayah al-akhḍh* (ولاية الأخذ) iaitu kuasa mengutip zakat bagi pihak *muzakki* kepada *imām* atau pemerintah dalam harta zahir. Kedudukan mereka dalam perkara ini menyamai kedudukan pembayar-pembayar zakat dan boleh menggugurkan tanggungjawab berzakat oleh *muzakki*.⁵⁸

Manakala harta batin bermaksud tuan pemilik harta lebih mengetahui tentang aset-asetnya di mana secara kasarnya tidak mudah dicapai oleh orang lain seperti keuntungan perniagaan, nilai emas dan perak. Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama berkenaan pembayaran zakat harta batin. Kelompok pertama mengatakan bahawa tidak wajib bagi umat Islam menyerahkan zakat hasil daripada kelompok harta-harta batin mereka kepada pihak pemerintah sebagai pengantara yang menguruskan agihan zakat kepada para asnaf. Hal ini jelas berdasarkan perbuatan khalifah Islam yang ketiga, Sayyidina Uthmān RA yang mempertanggungjawabkan masyarakat umat Islam untuk mengagihkan sendiri zakat harta batin secara terus kepada *mustahiqqin* iaitu orang-orang yang berhak menerima zakat. Pendapat ini dipegang oleh kebanyakan ulama silam antaranya al-

⁵⁵ Al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 3:68.

⁵⁶ Al-Zarkashī, *Sharh al-Zarkashī*, 2:483-484.

⁵⁷ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 2:170.

⁵⁸ Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm Ibn al-Nujaym, *al-Bahr al-Rā'iq* (t.tp: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 2:227.

Māwardī⁵⁹ dan al-Nawawī.⁶⁰ Menurut mereka, hukum asal bagi zakat harta batin adalah amanah dan tanggungjawab si pemilik harta itu sendiri dan bukannya di atas bahu para pemerintah. Oleh yang demikian, *muzakki* boleh membayar zakat sama ada secara terus kepada asnaf atau menerusi pihak berwajib. Antara sebab ia merupakan hak individu adalah kerana pemilik mempunyai tujuan tersendiri menyembunyikan harta batinnya dan mereka lebih dipercayai dalam bab ni, di samping bagi merebut pahala berbuat baik kepada jiran dan sanak saudara yang memerlukan.⁶¹ Walau bagaimanapun, golongan ini turut menyokong campur tangan para pemerintah dalam mengutip zakat ketika terkenal dan diketahui umum akan keadilan para pemerintah, bahkan mereka menyatakan bahawa ia lebih afodal untuk membayar kepada amil yang rasmi jika realitinya sedemikian.

Bertentangan dengan pandangan majoriti tokoh ulama silam, sebahagian tokoh ulama kontemporari berpendapat bahawa segala jenis harta samada harta zahir mahupun harta batin perlu dizakatkan apabila mencukupi syarat-syaratnya. Hal ini demikian kerana menurut Yusuf al-Qardāwī, nas-nas dan dalil Syarak yang menjadikan hal ehwal zakat di bahu para pemimpin dan kerajaan Muslim tidak pernah membezakan di antara kedua-dua jenis harta tersebut.⁶² Abd al-Wahhāb al-Khallāf, Abd al-Rahmān Hasan, dan Muhammad Abu Zahrah seperti yang dinukilkhan oleh al-Qardāwī dalam karyanya ‘*Dawr al-Zakāh fī ‘ilāj al-Mushkilah al-Iqtisādiyyah wa Syurūt Najāhiha*’ berpendapat bahawa pemerintah berkuasa mengutip kedua-dua jenis harta berdasarkan dua sebab. Pertama, sejarah menunjukkan bahawa masyarakat gagal mengeluarkan zakat dari harta-harta zahir dan batin mereka

⁵⁹ ‘Alī bin Muhammad al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, ed. ‘Alī Muhammad Mu’awwad dan ‘Adil Ahmad Abd al-Mawjūd (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 3:185-187.

⁶⁰ Yahyā bin Sharf al-Nawawī, *Rawdah al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*, ed. Zahir al-Syawish (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1991), 2:205-206; Al-Nawawī, *al-Majmū’*, 5:333.

⁶¹ Al-Nawawī, *Rawdah al-Tālibīn*, 2:205; Ahmad Salamat al-Qalyūbī dan Ahmad al-Barlasi ‘Umairah, *Hashiyah Qalyūbī wa ‘Umayrah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995), 2:53.

⁶² Yūsuf al-Qardāwī, *Dawr al-Zakāh fī ‘ilāj al-Mushkilah al-Iqtisādiyyah wa Shurūt Najāhihā* (Qāhirah: Dār al-Shurūq, 2001), 68.

sendiri sedangkan ketua negara ketika itu, Sayyidina Uthman RA termasuk para pemerintah dan gabenor negara selepas beliau telah memberikan hak *al-wakalah* kepada mereka bagi menunaikan zakat bagi pihak diri masing-masing. Kedua, hampir kesemua harta telah berubah menjadi zahir.⁶³

Merujuk kepada huraian para ulama dalam masalah kenaan zakat terhadap harta batin, kedua-dua kelompok mempunyai hujah dan dalil yang menguatkan hujah mereka. Secara umumnya, terdapat ruang persamaan pendapat di antara keduanya iaitu pemerintah berhak memungut harta batin daripada *muzakki* atas keperluan maslahat di peringkat negeri mahupun negara. Cuma, ulama berbeza dalam memahami kehendak dalil pembayaran zakat dan amalan *khulafā' al-rāshidīn* samada kewajipan zakat harta merangkumi harta batin *muzakki* ataupun tidak. Pada hemat pengkaji, pendapat yang rajih dan paling sesuai ditegakkan untuk konteks masa kini adalah pendapat sebahagian ulama yang mewajibkan kenaan zakat ke atas semua jenis harta termasuk harta zahir dan batin. Ini kerana pengkaji bersetuju dengan pendapat al-Qardāwī yang menyuarakan bahawa tidak semua geografi kaya dengan harta zahir, malah beberapa negara terbukti hanya mempunyai sumber harta batin semata-mata. Sekiranya *muzakki* tidak wajib menzakatkan harta batin mereka, maka sudah pasti ekonomi golongan asnaf tidak dapat diperluaskan dengan lebih mapan.

FAKTOR KELEWATAN PEMBAYARAN ZAKAT

Di dalam kitab *turath* mahupun kontemporari, perbahasan ulama berkaitan dengan sikap menangguh-nangguhkan dan melewatkannya pembayaran zakat mele过asi had waktunya disebut sebagai *ta'jil al-zakāh* atau *ta'khīr adā' al-zakāh*. Berdasarkan perbincangan ulama mengenai hukum melewatkannya pembayaran zakat, terdapat beberapa faktor utama bagi seseorang individu itu tidak menunaikan kewajipan zakat tepat pada waktunya. Antara faktor kelewatan pembayaran zakat pada ghalibnya ialah:

- a) Sengaja
- b) Jahil

⁶³ Al-Qardāwī, *Dawr al-Zakāh*, 72.

c) Wujudnya keuzuran

Sengaja

Dari sudut hukum Syarak, sengaja melambatkan pembayaran zakat sedangkan berkemampuan adalah berdosa dan perlu ganti.⁶⁴ Di dalam al-Quran, ancaman dan azab ini dinyatakan beberapa kali oleh Allah SWT terhadap orang yang mengabaikan perintah berzakat, seperti firmanya dalam surah Ali Imran:

وَلَا يَحْسِنَ الَّذِينَ يَتَخْلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ
هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيِطُوقُونَ مَا يَخْلُونَ بِهِ يَوْمَ
الْقِيَمَةِ وَلَلَّهُ مِرْثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عِلْمُ مَا تَعْمَلُونَ
خَيْرٌ

(Surah Ali-Imran, 3: 180)

Terjemahan: “Janganlah orang-orang yang bakhil (menginfakkan) kurniaan yang diberi Allah kepadanya menyangka bahawa sikap demikian baik baginya, tetapi kebakhilan itu buruk (akibatnya). Nanti akan dikalungkan kepada mereka harta benda yang mereka bakhilkan itu di hari kiamat. Dan kepunyaan Allahlah warisan (segala apa yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Mengetahui apa sahaja yang mereka kerjakan.”

Ayat di atas memberi kefahaman kepada kita bahawa harta dan kekayaan yang dipinjam oleh Allah SWT di dunia turut akan dihisab di akhirat antaranya sama ada seseorang itu membayar infak berbentuk wajib iaitu zakat ataupun tidak. Bahagian harta yang diwajibkan berzakat namun tidak diagihkan kepada asnaf menjadi sebab bagi *muzakki* dihukum dengan balasan yang berat daripada Allah SWT.

Ibn Bāz⁶⁵ ketika memberi respon kepada soalan perihal ini mengatakan bahawa hukum sengaja membayar zakat beberapa

⁶⁴ Al-Qarrāfi, *al-Dhakhīrah*, 1:139.

⁶⁵ Ibn Bāz, *Fatāwā Nūr ‘Alā al-Darb*, 15:18-20.

tahun lambat adalah mungkar dan tidak dibenarkan. Ulama juga bersepakat bahawa dia juga dihukum kufur, dan boleh dibunuh sepetimana membunuh seorang yang murtad setelah proses istitabah.⁶⁶ Hukumannya berat kerana perkara ini berkait dengan iman dan mengingkari perkara agama yang telah ijmak oleh ummah dan diketahui secara amnya sepetimana solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mandi wajib kerana berjunub, pengharaman zina dan berkahwin dengan mahram dan sebagainya.⁶⁷ Sebaliknya umat Islam mestilah membayarnya pada setiap hujung tahun kerana beberapa ayat al-quran menuntut kesegeraan dan menunaikannya pada waktunya, serta balasan azab di akhirat apabila sengaja mengabaikannya. Oleh yang demikian, pelaku tersebut wajib bertaubat, menyesal, dan perlu segera mengeluarkan zakat untuk haul-haulnya yang lepas itu.⁶⁸ Adapun tidak sengaja seperti terlupa tidak mendatangkan dosa dan azab, tetapi memerlukan kesegeraan dalam melaksanakan atau menggantinya. Berdasarkan huraian-huraian dari ulama, penulis bersetuju dengan segala penegasan terhadap perbuatan seseorang yang sengaja tidak membayar qada zakat ini. Ini kerana faktor sengaja mengendahkan kewajipan zakat dan qada zakat seolah memberanikan diri berhadapan dengan Allah SWT serta azabnya.

Jahil

Jahil juga bukan hujah yang diiktiraf di sisi Syarak untuk pengecualian zakat.⁶⁹ Pendapat ini menurut al-Nawawī adalah muktamad di sisi mazhab Syafi'i tidak mengira sama ada seseorang itu menetap di negara Islam ataupun di negara Harbi. Ibn Hazm menyatakan bahawa pengumpulan harta dua jenis zakat atau lebih yang terjadi disebabkan kejahilan sedangkan seseorang itu masih hidup, maka hendaklah dia menunaikan kesemuanya pada setiap

⁶⁶ Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shāfi'ī* (Dimashq: Dār al-Qalām, 2007), 2:14.

⁶⁷ Yahyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Minhāj Sharh Sāhih Muslim bin al-Hajjāj* (Bayrūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, t.t.), 1:205.

⁶⁸ Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shāfi'ī*, 2:15.

⁶⁹ Yahyā bin Sharf al-Nawawī, *al-Mājmu' Sharh al-Muhaḍhdhab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990), 5:337.

tahun mengikut bilangan yang wajib baginya.⁷⁰ Selain daripada itu, para ulama bermazhab Maliki menegaskan bahawa umat Islam tidak dibenarkan melewatkannya pembayaran zakat secara mutlak. Pada hemat pengkaji, ketidakterimaan faktor kejahilan adalah relevan bahkan lebih *awla* pada zaman kini di mana teknologi sumber maklumat telah berkembang pesat.

Wujud Keuzuran

Antara keuzuran yang diiktiraf oleh Syarak ialah luputnya harta, tidak berkemampuan selepas sempurna haul, dan juga termasuk kes-kes seperti ketiadaan penerima yang layak atau tidak menjumpai asnaf zakat. Hal ini telah digariskan oleh ulama bermazhab Syafi'i dan Hanbali yang berpendapat bahawa harus melewatkannya pembayaran zakat berdasarkan uzur *syar'i*, dengan syarat ia tidak disengajakan oleh individu itu sendiri.⁷¹ Kelewatian berzakat juga adalah dibenarkan apabila seseorang *muzakki* ingin mengagihkan zakat kepada saudara-mara atau sesiapa yang jauh lebih memerlukan.⁷² Menurut Imam Mālik, para musafir juga dibolehkan melewatkannya pembayaran zakat apabila tibanya haul yang sempurna sedangkan hartanya berada di rumah yang terletak di luar kawasan. Keuzuran ini diterima dan boleh ditangguhkan sehingga dia kembali pulang ke rumah kecuali apabila sumbernya mencukupi bagi membayar zakat pada masa musafir tersebut, maka hendaklah dibayar dengan segera.⁷³

Ibn Bāz⁷⁴ menjelaskan bahawa sesuatu kekangan itu dimaafkan di sisi Syarak hanya kerana uzur *syar'i*, namun apabila telah hilang keuzuran tersebut maka perlu ke atasnya untuk

⁷⁰ Ibn Ḥazm, *Al-Muhallā bi al-Athār*, 4:199.

⁷¹ Kuwait, K. W. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Kuwait: Dār as-Salāsil, 2006), 23:295.

⁷² Al-Nawāwī, *Rawdah al-Tālibīn*, 2:225; Al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 2:510; Al-Mardāwī, *al-Insāf*, 3:133-134.

⁷³ Mālik bin Anas, *Al-Mudawwanah*, 1:335-336; Muhammad bin Ahmad bin 'Arafat al-Dusūqī, *Ḥashiah al-Dusūqī 'alā al-Sharh al-Kabīr* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 1:504.

⁷⁴ 'Abd al-Rahmān al-Sa'ādī et al., *Mawsū'ah al-Masāil al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, ed. 'Arafat al-'Asha Hassunah al-Dimashqī (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2010), 741.

menyegerakan pembayaran zakat. Justeru, bagi sesiapa yang tidak mengeluarkan zakat pada waktunya, maka wajib keluarkan kemudiannya. Zakat hendaklah dibayar mengikut *al-zan* (sangkaan secara yakin) pada nilai harta dan jumlah tahun sekiranya syak wasangka,⁷⁵ sebagaimana yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

فَإِنْعُوا اللَّهَ مَا أَنْتُمْ تَطْعَمُونَ

(Surah al-Taghabun, 64: 16)

Terjemahan: “*Bertaqwalah kalian kepada Allah sekadar yang kalian mampu.*”

Ayat ini menunjukkan bahawa setiap suruhan agama wajib dilakukan dengan cara yang terbaik berdasarkan kudrat dan kemampuan kita sebagai seorang manusia. Secara tidak langsung menurut pengkaji, ini juga membuktikan bahawa Allah SWT tidak akan menghukum seseorang manusia di luar keterbatasannya. Namun begitu menurut Zulkifli al-Bakri, terdapat kaedah ulama yang menyebutkan bahawa “*qada al-wajib wajib*” (قضاء الواجب) (واجب) yang bermaksud mengqada yang wajib itu hukumnya wajib.⁷⁶ Justeru itu dari sini jelaslah bahawa meskipun beberapa keuzuran dimaafkan dari sudut hukum syarak, tetapi ia bukan alasan bagi *muzakki* untuk tidak membayar zakat-zakat yang ditinggalkan.

BATASAN TEMPOH LEWAT YANG DIMAAFKAN KERANA UZUR

Kaedah asal bagi pelaksanaan zakat dan qada zakat menurut majoriti fuqaha adalah dengan menyegerakannya. Walau bagaimanapun, ketika berlaku keuzuran untuk mengeluarkan zakat, dalam keadaan haul dan nisabnya telah sempurna, terdapat beberapa pandangan ulama berkenaan kadar jumlah hari yang

⁷⁵ Al-Lajnah al-Dāimah li al-Buhūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’, *Fatāwa al-Lajnah al-Dāimah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’* (Riyād: al-Riā’sah al-‘Ammah li al-Buhūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’, 2007), 8:337.

⁷⁶ Zulkifli Al-Bakri, dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Mac 2019.

masih dimaafkan Syarak serta tidak dihukum sebagai berdosa. Sebahagian fuqaha menekankan bahawa dibolehkan kelewatan membayar zakat harta untuk beberapa tempoh masa sahaja, iaitu dalam lingkungan satu hari atau beberapa bulan lewat. Adapun zakat fitrah, ia tetap wajib dibayar sebelum solat hari raya.⁷⁷ Manakala keluasan dalam masalah ini boleh dilihat dalam pandangan Imam Abu Hanifah dan sebahagian besar pandangan dari ulama mazhab Hanafi sendiri. Mereka menyatakan bahawa pembayaran zakat boleh ditangguhkan tanpa had tempoh sekiranya tiada kecemasan untuk melakukan pembayaran segera kerana ayat perintah untuk pembayaran zakat adalah mutlak di samping ia tidak merujuk kepada sebarang tempoh masa atau tempat.⁷⁸

Pendapat ini bertentangan dengan pandangan majoriti mazhab yang mengatakan wajib menyegerakan qada zakat sama ada tanpa keuzuran atau dengan keuzuran. Akan tetapi, ulama Hanafiah ini mengingatkan bahawa umat Islam tetap berdosa apabila sengaja melewatkhan pembayaran zakat tanpa sebarang darurat dan dikira berdosa jika meninggal dunia tanpa qada zakat sehingga hujung usianya.⁷⁹ Berdasarkan pandangan-pandangan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dua pandangan hukum ini boleh diharmonikan di mana ulama tetap bersepakat bahawa qada zakat wajib dibayar. Selain itu, ia membuktikan bahawa tempoh masa lanjutan bagi pembayaran qada zakat sebenarnya tidak bergantung kepada tahap *masyaqqah* yang dihadapi oleh seseorang yang menghalangnya daripada membayar zakat.

HUKUM-HUKUM YANG BERKAITAN QADA ZAKAT

Rukun asas bagi melaksanakan ibadat dalam Syariat Islam adalah berniat. Para ulama mengatakan bahawa zakat merupakan satu ibadat yang memerlukan niat sepertimana solat dan puasa. Tambahan pula, hukum qada zakat bersamaan dengan zakat secara tunai. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa niat perlu dihadirkan

⁷⁷ ‘Abd al-Rahmān al-Sa’adi et al., *Mawsū’ah al-Masāil al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, 741.

⁷⁸ Al-Kāsānī, *Kitāb Badā’i’ al-Sanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, 2:110; Al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 2:510.

⁷⁹ Kamal al-Dīn Muhammad bin ‘Abd al-Wāhid Ibn al-Hummām, *Fath al-Qadīr* (Dār al-Fikr, t.t.), 2:156.

oleh *muzakki* ketika membayar zakat termasuklah mewakilkan orang lain untuk membayar bagi pihaknya.⁸⁰ Selain itu, tujuan niat diwajibkan adalah sebagai pembeza. Antaranya membezakan di antara zakat yang wajib dengan sedekah sunat,⁸¹ dan di antara zakat secara tunai dengan qada zakat. Syarat ini juga terpakai kepada *muzakki* dalam beberapa kes yang melibatkan pelaksanaan zakat sama ada secara tunai atau qada.

Contoh yang pertama ialah situasi yang menghalang seseorang untuk mengeluarkan zakat yang telah diwajibkan ke atasnya seperti sakit dan tidak mempunyai harta, maka hendaklah dia berniat untuk membayarnya apabila sudah berkemampuan dan tidak meminjam secara hutang (اقرض). Menurut mazhab Syafi'i dan Hanbali pula, sekiranya *muzakki* memilih untuk mengagihkan secara terus kepada para asnaf, maka hendaklah ia turutsertakan niat fardhu kerana zakat akan kekal menjadi tanggungjawabnya tanpa niat tersebut. Seterusnya, Al-Mardāwī mengatakan bahawa wajib bagi pemilik harta berniat kecuali jika Imam memungut zakat daripadanya secara paksa tanpa sempat ia berniat.⁸² Tuntasnya bagi pengkaji, niat sangat penting dalam pelaksanaan qada zakat kerana tanpa niat yang jelas, dibimbangi ibadat tersebut tidak sah di sisi hukum Syarak.

Seterusnya adalah penyegearan membayar zakat. Arahan mengeluarkan zakat di dalam al-Quran kesemuanya dilafazkan di dalam *sighah* yang menuntut kesegeraan dalam melaksanakannya. Zakat dituntut agar dilaksanakannya dengan segera kerana dikhawatiri harta akan binasa apabila bertangguh. Di samping itu, menurut para sarjana antaranya al-Subkī menyatakan bahawa berkemampuan itu adalah satu syarat kepada kewajipan zakat atau penggantiannya, walaupun harta telah binasa.⁸³ Khilaf dalam kalangan ulama hanya berlaku terhadap orang yang tidak berkemampuan tidak kira sama ada hartanya binasa sebelum atau selepas haul. Sekiranya seseorang itu telah berikrar untuk

⁸⁰ Wizārat al-Awqāf wa al-Shūn al-Islāmiyyah al-Kuwait, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 23:293.

⁸¹ Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'i*, 2:127.

⁸² Al-Mardāwī, *al-Insāf*, 3:139.

⁸³ Taqī al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Fatāwa al-Subkī* (t.t.p.: Dār al-Mā’ārif, t.t.), 1:196.

mengeluarkan zakat, tetapi dia sakit dan tidak memiliki harta, maka semestinya dia berniat bahawa dia akan mengeluarkan zakatnya apabila dia mampu.⁸⁴ Sekiranya kadar nisab berkurangan sebelum haul, maka perlulah ganti selepas haul dengan cara dikira apa yang baki.⁸⁵ Justeru, qada zakat harus dilakukan secara berterusan misalnya melalui cara membayar dengan beransur-ansur atau sebagainya berdasarkan kemampuan diri sendiri.

Dari konteks pemerintah pula, sekiranya penduduk sesebuah negeri tidak menunaikan selama beberapa tahun kerana dikuasai oleh pihak pemberontak, pemerintah yang kembali berkuasa secara sah hendaklah memungut zakat-zakat yang tertunggak sebelum itu.⁸⁶ Pendapat ini telah dinukilkan oleh Ibn Mundhir berdasarkan pendapat mazhab Syafi'i, satu pendapat dalam mazhab Maliki dan Abu Thaur. Selain itu, Syarak membenarkan pemerintah untuk mengambil wang zakat yang melibatkan harta zahir secara paksaan daripada orang Islam yang enggan menunaikan zakat.⁸⁷ Tanggungjawab qada tidak terhenti sekadar seseorang itu meninggal dunia, kerana hukum qada ini akan turut dibebankan kepada para ahli warisnya. Muhammad al-Zuhaylī mengatakan bahawa sekiranya si mati meninggalkan wasiat agar mengeluarkan zakat bagi pihaknya, maka mesti dikeluarkan.⁸⁸ Qada zakat yang tidak sempat dilunaskan pada waktu hayatnya hendaklah diambil daripada harta peninggalannya rentetan daripada penangguhan si mati untuk mengeluarkan zakat ketika masih hidup.⁸⁹

Seterusnya adalah kewajipan untuk melakukan taubat nasuha bersekali dengan qada zakat. Tidak membayar zakat adalah satu kesalahan yang berat dalam agama Islam. Al-Dhahabī dalam kitabnya ‘*al-Kabāir*’ turut meletakkan perkara ini sebagai salah satu daripada dosa-dosa besar.⁹⁰ Oleh yang demikian, pelaku dosa tidak menunaikan zakat ini wajib bertaubat kerana syarat pengampunan Allah SWT adalah hanya dengan melalui medium *al-taubat al-*

⁸⁴ Al-Nawāwī, *al-Majmū'*, 5:337.

⁸⁵ Al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī*, 1:503.

⁸⁶ Al-Nawāwī, *Al-Majmū'*, 5:337; Al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 2:512.

⁸⁷ Al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī*, 1:503.

⁸⁸ Muhammad al-Zuhaylī, *Al-Mu'tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi'i*, 2:127.

⁸⁹ Muhammad al-Zuhaylī, *Al-Mu'tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi'i*, 2:17.

⁹⁰ Abū 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī, *Kitāb al-Kabāir*, ed. Abd al-Rahmān al-Fakhūrī (Bayrūt: Dār al-Salām, 1978), 67-69.

nasuha iaitu taubat dengan sebenar-benarnya. Selain itu, seseorang itu juga dikira berdosa apabila dia melewatkannya pembayaran zakat. Menurut Muhammad al-Zuhaylī, hal ini berlaku disebabkan kerana telah *thābit* hak asnaf pada *zimmah al-muzakki* menyebabkan dua kesan daripada kelewatan tersebut iaitu berdosa dan wajib ganti. Justeru itu, tanggungjawab zakat hendaklah dikeluarkan pada bila-bila waktu.⁹¹ Ibn Bāz juga mengemukakan jawapan yang ringkas dan padat dalam permasalahan lewat mengeluarkan zakat sama ada sengaja atau tidak sengaja. Tiga tindakan susulan perlu dilakukan oleh seseorang itu iaitu membayar zakat bagi haul yang lepas, istighfar dan bertaubat.⁹² Berdasarkan huraian-huraian di atas juga, ia menunjukkan bahawa qada zakat tidak cukup sekadar bertaubat semata-mata. Sesungguhnya pembayaran qada zakat mencerminkan pengakuan taubat *muzakki* membabitkan hutang dengan hak-hak Allah SWT.

KESIMPULAN

Melalui perbincangan berkaitan konsep qada zakat terdapat pelbagai aspek yang disentuh secara ilmiah oleh para ulama silam dan kontemporari sama ada disepakati atau diperselisihkan hukumnya. Di antara isu utama yang dibincangkan ialah keabsahan haul sebagai syarat wajib mengeluarkan zakat pada konteks masa kini. Konsep haul yang telah luput dan haul yang baharu memberi implikasi kepada perkiraan jumlah qada zakat. Selain daripada itu, dalam perbincangan hukum menangguhkan pembayaran atau qada zakat selepas berlalu haul, penulis mendapati pandangan ulama bermazhab Hanafi adalah antara yang paling ringan. Mereka mensyaratkan agar qada zakat wajib dilaksanakan pada bila-bila masa selagi hayat dikandung badan.

Keduanya, isu zakat melibatkan harta batin. Secara umumnya, umat Islam wajib membayar zakat kepada pemerintah tempatan. Namun begitu, terdapat klausu dalam pandangan para ulama di mana Syarak memberi keizinan kepada pemilik harta untuk

⁹¹ Muhammad al-Zuhaylī, *Al-Mu'tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi'i*, 2:126.

⁹² 'Abd al-'Azīz bin Abdullah Ibn Bāz, *Majmu' Fatāwā al-'Allāmah Abd al-'Azīz bin Bāz* (t.t.p.: Muhammad bin Sa'ad al-Shuwā'ir, t.t.), 14:238; 'Abd al-Rahmān al-Sa'adi et al., *Mawsū'ah al-Masā'il al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, 746.

membayar terus kepada asnaf tanpa perantaraan. Ketiga, Syarak memberi keringanan melewatkkan pembayaran dalam keadaan uzur yang tidak dielakkan. Walau bagaimanapun, sebab-sebab dalam kategori ini seperti kehilangan harta, sakit, hatta kematian sekalipun tidak menggugurkan kewajipan qada zakat pada pandangan hukum Syarak. Ini memberi makna yang jelas bahawa golongan asnaf mempunyai hak ke atas harta orang Islam yang memenuhi syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Azīz bin Abdullah Ibn Bāz, *Majmu’ Fatāwā al-‘Allāmah Abd al-‘Azīz bin Bāz*. t.tp: Muhammad bin Sa’ad al-Shuwā’ir, t.t.
- ‘Abd al-‘Azīz bin Abdullah Ibn Bāz, *Fatāwā Nūr ‘Alā al-Darb*. Riyād: al-Ri’āsah al-‘Ammah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, 2010.
- ‘Abd al-Karīm bin Muhammad al-Rāfi’ī, *Fath al-‘Azīz bi Sharh al-Wajīz*. t.tp: Dār a-Fikr, t.t.
- ‘Abd al-Rahmān al-Sa’ādī et al., *Mawsū’ah al-Masā’il al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, ed. ‘Arāfat al-‘Asha Hassunah al-Dimashqī. Bayrūt: Dār al-Fikr, 2010.
- ‘Abd Allah bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*. Mesir: Maktabah al-Qāhirah, 1968.
- ‘Abd Allah bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *al-Muqni` fī Fiqh Imām al-Sunnah Ahmad ibn Hanbal al-Shaybānī*. Qāhirah: al-Matba`ah al-Salāfiyah wa Maktabatuhā, 1953.
- ‘Abd Allah bin Mansur al-Ghafīlī, *Nawāzil al-Zakāh: Dirāsah Fiqhiyyah Ta’siliyyah li Mustajaddāti al-Zakāt*. Riyād: Dār al-Mīmān, 2008.
- ‘Alī bin Muhammad al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Diniyyah* Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985.
- ‘Alī bin Muhammad al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, ed. ‘Alī Muhammad Mu’awwad dan ‘Adil Ahmad Abd al-Mawjud. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

- Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī, *Kitāb al-Kabā’ir*, ed. Abd al-Rahmān al-Fakhurī. Bayrūt: Dār al-Salām, 1978.
- Abu al-Hasan ‘Alī bin ‘Umar al-Dāraqutnī, *Sunan al-Dāraqutnī*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2004.
- Abu al-Hasan Alī bin Sulayman al-Mardāwī, *al-Insāf*. Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, 1998.
- Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*, ed. Haitham Jum’ah Hilāl. Bayrut: Muassasah al-Ma’arif, 2006.
- Abu Bakar bin Mas’ud al-Kāsānī, *Kitāb Badāi’ al-Sanā’i fī Tartīb al-Sharā’i*, ed. Muhammad Khayr Tu’mah Halabī. Bayrut: Dār al-Ma’rifah, 2000.
- Abu Bakr bin Abī Shaybah, *al-Kitāb al-Musannaf fī al-Ahādīth wa al-Athār*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1988.
- Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *al-Wasīt fī al-Madhab*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Abu Muhammad ‘Alī bin ‘Alī bin Sa’id Ibn Hazm, *al-Muhalla bi al-Athār*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.
- Ahmad bin al-Husayn Abu Bakar al-Baihaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Ahmad bin al-Husayn Abu Bakar al-Baihaqī, *Shu’ba al-Imān*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2003.
- Ahmad bin Muhammad al-Fayyūmī, *al-Misbāh al-Munīr fī Gharīb al-Sharh al-Kabīr*, ed. ‘Adil Murshid. Bayrūt: t.p., t.t.
- Ahmad bin ‘Alī al-Khatīb al-Sharbīnī, *Tārīkh Baghdād*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002.
- Al-Fīrūzābādī, M. Y. *al-Qamūs al-Muhiṭ*. Bayrūt: Mu’assasat al-Risālah, 1998.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muhammad. *al-Ta’rīfāt*. Bayrūt: ‘Alim al-Kutub, 1996.
- Al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhuth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’, *Fatāwa al-Lajnah al-Dāimah li al-Buhuth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’*. Riyāḍ: al-Riā’sah al-‘Ammah li al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, 2007.

- Al-Nawāwī, *Raudah al-Tālibīn*, Ahmad Salamat al-Qalyubī dan Ahmad al-Barlasi ‘Umairah, *Hashiyah Qalyubī wa ‘Umayrah*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Rāzī, Muhammad bin Abu Bakr bin ‘Abd al-Qadīr. *Mukhtār al-Sahhāh*. (t.tp: Dār al-Manān, 1993.
- Ibn Fāris, Abu al-Hasan Ahmad. *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah*. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1970.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arāb*. Bayrūt: Dār Ihya’al-Turāth al-‘Arabī, 1996.
- Ismail Abd Abbas, *al-Iqtida’ fī Mujīb al-Qada’*. Baghdad: Maktab Shams al-Andalus, 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat*. Putrajaya: JAKIM, 2009.
- Jamal al-Din Abu Muhammad bin al-Hasan al-Isnawi, *al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furu’ ‘ala al-Usūl*, ed. Muhammad Hasan Haytu. Bayrūt: Mu’assasat al-Risalah, 1987.
- Kamal al-Dīn Muhammad bin ‘Abd al-Wāhid Ibn al-Hummām, *Fath al-Qadīr*: Dār al-Fikr, t.t.
- Kamus Dewan Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Kuwait, K. W. *al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dār as-Salasil, 2006.
- Mālik bin Anas al-Madanī. *al-Mudawwanah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994, Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsī, *al-Mabsut*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1993.
- Mansur bin Muhammad Al-Sam’ānī, *Qawāti’ al-Adillah fī al-Usūl*, ed. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail al-Shāfi’i. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- Mansur bin Yunus bin Salāh al-Dīn al-Bahūtī, *Kashāf al-Qinā’ ‘an Matan al-Qinā’*. t.tp: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

- Masnan, S., Yussuf, A., Ahmad, B., “Al-Qardāwī dan Sumbangannya Terhadap Pembangunan al-Sunnah: Sorotan Dari Sudut Zakat” (makalah, *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*, 2011.
- Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi’ī*. Dimashq: Dār al-Qalām, 2007.
- Muhammad Amīn bin ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Abidīn, *Radd al-Muhtār ‘alā al-Dūr al-Mukhtār*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992.
- Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafat al-Dusūqī, *Hashiyah al-Dusūqī ‘alā al-Sharh al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.
- Muhammad Ismail Abdullah et al., “Qadha’ Zakat” (kertas kerja, Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2017).
- Muhammad Shawqī al-Fanjarī, *al-Islām wa al-Damān al-Ijtīmā’ī: Dirāsah Mujāzah wa Shāmilah li Usūl al-Zakāh wa Muḥāwalah li Bayān Tatbīqātihā al-Hadīthah ‘alā Daw’ Mutaghayyirat al-‘Asr*. Qāhirah: al-Hay’ah al-Misriyah al-‘Ammah, 1990.
- Mujaini Tarimin, *Zakat al-Māl al-Mustafād: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Pusat Pungutan Zakat, 2012.
- Rafīq Yunus al-Misrī, *Buhuth fī al-Zakāt*. Dimashq: Dār al-Maktabī, 2009.
- Sulayman bin Ahmad Abū al-Qāsim al-Tabrānī, *al-Mu’jam al-Awsat*. Qāhirah: Dār al-Haramain, t.t.
- Sulayman bin Al-Ash’as al-Sijistanī Abū Dāwud, *al-Marāsīl*, ed. Shu‘ayb al-Arnaut. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1987.
- Taqī al-Dīn ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Fatāwā al-Subkī*. t.tp: Dār al-Ma‘ārif, t.t.
- Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr, t.t.
- Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu ‘Sharh al-Muhadhdhab*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990.
- Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Minhāj Sharh Sahīh Muslim bin al-Hajjāj*. Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arābī, t.t.

Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Rawdah al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn*, ed. Zahir al-Syawish. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1991).

Yūsuf al-Qardāwī, *Dawr al-Zakāh fī ‘ilāj al-Mushkilah al-Iqtisadiyyah wa Shurut Najāhihā*. Qāhirah: Dār al-Shuruq, 2001.

Yūsuf al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Maktabah Wahbah, 2003.

Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm Ibn al-Nujaym, *al-Bahr al-Rā’iq*. t.t.p: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.